

Abstrakim penulis misteri. Sebelum ini dia dikenali ramai kerana aktif menyentuh papan kekunci bagi menyediakan karya agung yang penuh dengan kejutan di Twitter dan Instagram. Pengalaman sebenar dijadikan rujukan bagi membawa pembaca kepada fiksiyen yang tidak lari dari realistik. Kini menulis dengan lebih serius dalam bentuk buku. *INTROVERT (2022)* merupakan novelnya yang keempat, dan pertama bersama Fixi.

Buku Fixi ialah syarikat penerbitan novel yang mula aktif pada tahun 2011. Ia memberi tumpuan kepada karya-karya baru yang bersifat urban dan masakini. Nama syarikat diambil dari perkataan Bahasa Indonesia 'fiksi' yang diambil dari perkataan Bahasa Inggeris 'fiction' yang diambil dari Bahasa Perancis Lama 'ficcio' yang diambil dari Bahasa Latin 'fictionem'... untuk menunjukkan yang tidak ada apa-apa yang original dalam dunia ini. Sasaran kami ialah untuk terbitkan sekurang-kurangnya satu novel setiap bulan, dan butiran mengenai semua novel kami boleh dibaca di <http://fixi.com.my>

Jika anda berminat untuk menulis novel Fixi, inilah syarat-syaratnya:

- Sekitar 60,000 perkataan.
- Tema: Urban & kontemporari.
Bahasa slanga dan celupar digalakkan tapi tidak dimestikan.

Boleh buat *noir*, thriller, cinta 4 segi, *cyber-punk*, dan sebagainya.

- Fikir '*pulp*'.
- Judul harus satu perkataan saja.

Boleh bincang lanjut kalau minat. Sila hantar emel ke info@fixi.com.my (Amir Muhammad).

INTROVERT

Abstrakim

FIXI

Diterbitkan oleh:

Buku Fixi Sdn Bhd (1174441-X)

B-8-2A Opal Damansara, Jalan PJU 3/27

47810 Petaling Jaya, Malaysia

info@fixi.com.my

http://fixi.com.my

Hakcipta terpelihara.

Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan di media massa, kandungan buku ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun selagi tidak mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Introvert

© Abstrakim 2022

Cetakan Pertama: Februari 2022

Rekabentuk & rekaletak: Teck Hee

Perunding: Julie Anne & Hani Suraya

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-967-2328-80-3

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd

2 Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park

Batu 15, Jalan Puchong, 47100 Puchong, Malaysia

Terima kasih pada suara dan pengalaman dalam minda dan memori yang memberi idea untuk menghasilkan kisah ini. Ribuan terima kasih kepada Keluarga Fixi serta semua yang sentiasa menyokong dan menggalakkan saya untuk terus menulis.

*Cerita di dalam buku ini adalah rekaan semata kot.
Beberapa perkataan Bahasa Inggeris di dalam buku ini
tidak dicetak dengan huruf condong/italics demi menghayati
semangat urban gitu.*

Malam gelap memunculkan bintang yang menyinari langit. Bintang tidak mungkin boleh bersinar tanpa kegelapan. Malam yang sangat sepi tanpa sebarang bunyi melainkan suara tangisan putus asa seseorang yang sudah penat untuk terus kuat.

Tiada manusia yang hidup sempurna. Di sebalik wajah ceria pasti akan ada kesedihan menghiasi jiwa-jiwa yang sedang dahagakan kebahagiaan. Tiada yang pernah berhajat untuk melalui hari-hari yang gelap. Tetapi depresi bukan satu pilihan. Ada yang memilih untuk menyimpan segalanya di dalam hati kerana dirasakan sangat sukar untuk mereka menemui teman berbual yang memahami dan boleh dipercayai.

Malam itu, ketika kebanyakan orang sedang menikmati mimpi, seorang insan sedang berusaha untuk membuang mimpi. Badan ingin melawan tapi minda ingin mengakhiri segala-galanya. Angin sepoi-sepoi bahasa menampar tubuhnya yang sedang berdiri di bumbung sebuah pusat membeli belah sepuluh tingkat yang cukup terkenal sepuluh tahun lalu, sehingga perlahan-lahan ia mula tidak dikunjungi pelanggan dan satu persatu kedai di dalamnya mula tutup. Entah apa silapnya, Bangunan Alam itu tiba-tiba kehilangan daya tarik dan menjadi seperti bangunan tinggal.

Di tingkat paling atas itu juga berdiri seorang lelaki yang sedang menangis teresak-esak. Tangisan itu bukan

kerana lemah tapi kerana dia sudah penat menjadi kuat. Air matanya seperti membicarakan kata-kata dari hati kerana bibir tidak mampu mengungkapkan segala kesakitan yang terpendam. Malam semakin sunyi tapi kebisingan di dalam otaknya semakin nyaring. Bising dengan rasa sakit serta masalah yang dia rasa tiada jalan penyelesaiannya lagi.

Hidup sering menawarkan peluang kedua dengan menghadiahkan hari esok, tapi kini dia tidak mahu lagi hadiah itu. Namun dia masih runsing dengan keputusan yang bakal diambilnya.

Farady mengesat air mata yang membasahi pipi. Kasutnya sudah ditanggalkan ketika dia memanjat tangga untuk naik ke tembok separas bahu yang memisahkan dia dan bumi, kira-kira seratus kaki di bawah sana. Dia kini berkaki ayam, dan sudah bersedia untuk menamatkan mimpi-mimpinya. Angin yang berhembus buat tubuh Farady semakin menggigil.

“Hai...”

Farady menoleh. Ada seorang gadis berdiri sepuluh meter dari tempatnya berdiri. Rambut gadis itu terkibar-kibar ditiup angin.

“Kau ada masalah?”

Suara itu cukup lembut. Farady tergamam seketika. Dalam samar-samar cahaya malam, dia lihat gadis yang menegurnya tadi. *Manusia atau hantu?*

Gadis yang berkemeja T warna merah jambu dan berseluar track hitam itu bermuka bujur, berambut pendek lurus sehingga paras bahu. Raut wajahnya manis, sedap mata memandang. Matanya agak sepet sedikit, dan walaupun dalam samar-samar malam, Farady pasti gadis itu berkulit

cerah. Farady rasa dia tidak pernah lihat gadis itu sebelum ini.

“Kau siapa?”

“Nama aku Haura,” jawab gadis itu. “Kau?”

“Kenapa kau nak tahu?” soal Farady kembali. Dia yakin sekarang dia tidak pernah mengenali gadis itu. Malah dia yakin gadis itu tak akan dapat menghalangnya dari bertindak malam ini.

“Kalau kau ada masalah, kau boleh cerita kat aku. Aku sudi dengar.”

Pujukan gadis itu dengan suara lembut serba sedikit menyentuh hati. Tapi mindanya bercelaru, dia tidak dapat berfikir dengan baik. Dia hanya ingin menamatkan rancangan yang dia sudah mulakan.

“Aku okay. Kau pergilah dari sini,” balas Farady datar.

Gadis itu tahu yang Farady cuba menipunya kerana kata-kata dan riak wajah Farady tidak beriringan. “Sabar dulu, kau cerita dulu masalah kau kat aku, lepas tu kau buatlah apa-apa yang kau nak buat.”

Seketika, Farady rasa tertarik dengan pelawaan itu. Mungkin ini peluang terakhir untuk dia luahkan segala-gala yang terbuku. Sekurang-kurangnya akan ada orang tahu apa yang dia rasakan. “Betul ke?”

“Yes betul, I swear.”

Melihat senyuman yang dilemparkan oleh gadis itu, hatinya rasa sedikit nyaman. Sekelumit kepercayaan mula terbina dalam diri Farady.

Perlahan-lahan dia turun dari dinding tembok di tepi bangunan itu. Dia berjalan menghampiri Haura tanpa memandang wajahnya, sejujurnya dia segan bertentang

mata dengan perempuan. Haura sudah duduk bersandar dekat tepi tangki air tanpa mempedulikan sama ada lantai itu bersih atau tidak. Dia kemudian mengisyaratkan agar Farady duduk di sebelahnya.

“Saya minta maaf, saya ikut awak naik tadi,” ujar Haura memulakan perbualan. “Saya cuma nak tau apa yang awak nak buat.”

Tiba-tiba tangisan Farady pecah. Tak disangka ada orang yang menyedari kehadirannya di situ pada saat dia merasakan dia berseorangan dalam dunia ini. Dia tidak sangka yang depresinya akan membawanya ke jalan yang tidak sepatutnya. Setiap pemikirannya adalah perlawanan dan setiap nafasnya adalah perang. Dia rasa dia kalah di dalam pertempuran.

Haura memandang ke arah bintang-bintang yang bertaburan di langit malam yang cerah itu. “Kau boleh nangis, tiada masalah untuk kau nangis. Kau boleh sedih sebanyak mana pun. Tapi..”

Farady menoleh perlahan-lahan ke arah Haura. “Tapi apa?”

“Tapi kau jangan pernah putus asa.”

Mendengar kata-kata Haura, air mata Farady semakin berjurai-jurai membasahi wajah. “...aku malu,” ujarnya beberapa detik kemudian.

Haura tersenyum nipis. “Malu? Kenapa?”

“Aku lelaki, tapi aku menangis. Aku tak kuat, aku memang tak guna. Aku malu dengan diri aku sendiri,” luah Farady sayu.

Haura mengangguk faham. Dia tahu yang lelaki selalu dipaksa untuk kuat dan mengorbankan sisi sensitif dalam

diri mereka. “Siapa yang kata lelaki tak boleh menangis? Dah tu kenapa lelaki ada mata, ada air mata, ada rasa sedih. Semua tu fungsinya untuk menangislah. Lelaki manusia juga sama macam orang perempuan, tak salah menangis. Yang salah tu orang yang memperlekehkan orang yang sedang bersedih.”

Farady terdiam sejenak. Pertama kali dia menemui seseorang yang tidak memperlekehkan rasa sedih dan kecewa yang dirasainya sekarang. Tapi dia masih gagal membuang perasaan negatif yang menyelubungi dirinya.

“Aku tak boleh nak cerita masalah aku pada kau. Sebab kalau kau dengar mesti kau akan kata aku ni sekadar mengada dan kau akan kata yang masalah aku ni taklah besar mana sampai sanggup aku nak terjun bangunan ni.”

Haura menggeleng. “Masalah ni besar ke kecik, tetap namanya masalah, bukan mabetul. Cerita je, aku sudi dengar.”

Farady masih menunduk diam seperti ada kata hati yang tidak mampu diucap. Sepi menyelubungi mereka berdua.

Melihat lelaki itu nampak masih teragak-agak, sekali lagi Haura cuba memujuk. “Kau try la cerita kat aku. Aku boleh dengar. Dulu aku pernah menang anugerah pendengar terbaik peringkat daerah tau, hehe...”

Jenaka Haura buat Farady tersenyum sendiri. Tapi kemudian senyumannya pudar serta-merta. “Aku minta maaf, aku cuma nak akhiri semuanya. Aku nak mati...” ujarnya perlahan.

“Tak, kau tak nak mati!”

Farady terpaku dengan balasan pantas itu. Wajah Haura nampak yakin dengan jawapan yang diberikan. Dia seperti

memahami isi hati Farady. Adakah Haura boleh membaca minda orang?

“Apa maksud kau?” tanya Farady, inginkan jawapan.

Pandangan mata mereka bertaut seketika. Kemudian Haura menyahut.

“Percayalah cakap aku. Kau nak hidup, kau tak nak mati. Sebenarnya, kau cuma tak nak rasa sakit lagi. Tapi kau kena percayakan aku. Rasa sakit ini semuanya akan hilang. Semuanya akan berakhir seiring dengan masa berjalan. Semuanya akan jadi lebih baik.”

Farady nampak tergamam mendengar kata-kata Haura. Matanya mula berkaca semula. “Kau yakin?”

“Aku sangat yakin!”

Rupanya tenang itu masih ada di dalam diri Farady. Dia tidak sangka gadis di sebelahnya ini hadir memberi harapan baru. Malam yang dianggapnya sebagai pengakhiran sebenarnya adalah satu permulaan yang baru.

Mindanya yang sering berperang kini mula mengisytiharkan damai. Tiada lagi perang. Gencatan senjata sudah dilakukan. Nafas baru tercipta.

“Terima kasih sebab halang aku tadi. Kalau tak, mungkin aku dah buat keputusan paling bodoh sekali. Aku tak ada siapa-siapa yang boleh aku luahkan perasaan aku ni.”

Haura nampak teruja dengan ucapan terima kasih dari Farady. “Edy, mulai hari ini! Kita kawan. Kau boleh cerita semuanya kat aku.”

Dahi Farady berkerut. “Hmm... kenapa kau panggil aku Edy?”

“Edy kan lagi mesra dari Farady?” balas Haura sambil tertawa kecil.

Farady memandang ke arah langit seperti berfikir. “Okay kalau macam tu, aku panggil kau... Ura!”

Haura menepuk lengan Farady. “Ura!! Macam berpura-puralah pulak! Hahaha!”

Mendengar ketawa Haura, Farady juga turut ketawa. Dia tidak tahu adakah dia ketawa sebab Haura seorang yang kelakar atau kerana gelak tawanya itu yang mencuit hati. “Habis tu, aku nak panggil kau apa?”

“Panggil Ara ke?”

“Okay... Ara.”

“Berapa umur kau, Edy? Belajar ke dah kerja?”

“Umur aku 21 tahun. Masih belajar.”

Haura semakin teruja apabila mengetahui umur Farady. “Wah Edy, umur kita sama lah! Macam takdirilah. Hehe... kau belajar kat mana?”

“Aku belajar kat Kolej Antarabangsa Seri. Diploma Kejuruteraan Mekanikal. Kau?”

“Aku dah kerja. Aku bukan budak pandai nak sambung belajar,” jawab Haura sambil tersengih lebar.

Keadaan kembali sunyi, tiada tambahan soalan. Haura memerhatikan lelaki di hadapannya. Kalau dilihat dari rupa paras pun nampak yang Farady ini jenis pendiam dan pemalu. Bukan jenis riuh rendah sepertinya. Jenis yang sepatah ditanya, sepatah dijawabnya. “Kau memang minat kejuruteraan ke? Best tak sambung belajar?”

Haura dapat lihat reaksi wajah Farady sedikit berubah dengan soalan itu. Riak sedihnya mula kelihatan. Dia tidak menjawab soalan. Haura boleh mengagak, kejadian putus asa yang terjadi ada kena mengena dengan soalnya tadi.

“Kau tak minat apa yang kau belajar kan?”

Farady nampak terkejut dengan soalan Haura itu. “Er... macam mana kau tau?”

Haura tahu yang dia sudah berjaya mendapat perhatian penuh dari Farady. “Aku ni ahli nujum,” ujarnya. “Sekali pandang pun aku dah boleh baca fikiran kau.”

Farady terdiam sejenak. Rasa gugup ingin bercerita kerana terlalu banyak untuk diluahkan. Dia terlalu takut tersalah kata. Dia takut pada semua yang akan dikeluarkan dari mulutnya. “Cerita aku panjang, lain kali lah.”

Haura melihat jam di pergelangan tangannya. “Baru pukul 10.30, Edy. Awal lagi. Malam pun masih panjang. Aku bukan nak ke mana-mana pun. Ceritalah.”



Farady dilahirkan normal, tapi sejak kecil lagi, dia jarang menangis. Dia hanya menangis sebaik keluar dari perut ibunya, dan ketika dia demam semasa masih kecil. Itu pun tangisannya hanya sekejap, tidak berpanjangan. Masuk usia dua tahun, ketika kanak-kanak lain sudah mula memanggil ‘ibu’ dan ‘ayah’, dia masih belum lagi menuturkan walau sepetah perkataan.

Risau dengan keadaannya, dia pernah dibawa berjumpa doktor, namun keputusan ujian demi ujian yang dilakukan semuanya tidak menunjukkan sebarang masalah atau kecacatan. Farady tidak bisu, dan tidak juga pekak. Dia hanyalah seorang kanak-kanak yang pendiam dan tidak suka bercakap.

Doktor menasihatkan bapanya agar menghantar Farady berjumpa pakar pertuturan, namun entah kenapa

nasihat itu tidak dihiraukan oleh ibu bapanya. Dia hanya dibawa berubat cara kampung, berjumpa beberapa orang pawang, bomoh, bidan dan ustaz yang masing-masing tidak mendatangkan sebarang hasil. Ada yang mengatakan di dalam badannya ada saka, ada yang kata dia keteguran, malah ada juga yang mengatakan dia disampuk hantu, jin, syaitan dan sebagainya.

Kali pertama dia bercakap adalah semasa umurnya enam tahun. Seluruh keluarga terkejut dengan perubahan itu. Namun itu tidak bermakna Farady terus petah bercakap seperti burung murai. Dia masih kekal dengan sifatnya, hanya bercakap bila perlu.

Farady berasal dari keluarga yang berpecah belah dari kecil. Ibu bapanya bercerai sejak dia masih bayi lagi. Malah dia tidak pernah bertemu atau melihat wajah ibu kandungnya. Tidak ada sekeping pun gambar yang disimpan oleh ayahnya. Farady dan abangnya Farisy dibesarkan seorang diri oleh ayahnya dengan bantuan seorang pengasuh. Ayah Farady bekerja sebagai seorang ketua jurutera di sebuah syarikat pembinaan terkemuka di Malaysia. Oleh kerana kesibukannya, semua tanggung jawab membesarkan Farady dan abangnya diserahkan kepada pengasuh semata-mata. Pengasuh itu pula adalah seorang perempuan yang dingin dan mudah marah, jadi sehingga Farady dewasa, dia tidak pernah merasa sentuhan kasih sayang seorang perempuan yang bernaluri keibuan.

Niat untuk mencari ibu kandungnya pernah timbul tapi kerana tiada jejak, niat itu akhirnya terkubur begitu sahaja.

Sepi menyelubungi saat Farady berhenti bercerita. Dia melirik ke arah Haura yang nampak tenang di sebelahnya. “Bosan ke cerita aku? Kau nampak macam mengantuk.”

Haura tersenyum. “Taklah! Aku suka dengar cerita kau.”

“Thanks. Tak semua orang suka dengar aku bercakap,” jawab Farady.

“Tipulah. Takkanlah takde langsung.”

Farady angguk. “Betul! Dulu masa sekolah ada sorang cikgu ni dia suka paksa aku bercakap. Dia buat-buat tak dengar bila aku bercakap dan akan paksa aku jerit. Lepas tu semua orang akan ketawakan aku sebab aku kena cakap terjerit-jerit dalam kelas,” ceritanya. “Cikgu tu sampai datang rumah nak jumpa ayah aku. Dia suruh ayah aku buat sesuatu sebab dia kata aku ni tak pandai bercakap dan bergaul. Dia kata nanti bila aku dah besar, banyak masalah yang akan timbul.”

“Ayah kau cakap apa?”

Farady menggeleng. “Tak ada cakap apa-apa pun. Ayah aku sibuk 24 jam dengan kerja. Dengan aku pun jarang-jarang dia bercakap. Aku memang selalu sorang-sorang je dekat rumah sejak umur aku 10 tahun. Abang aku pun dah tak lekat di rumah.”

Haura mengangguk-angguk. “Lepas ni, kalau ada apa-apa. Kau cerita je kat aku okay! Aku sudi dengar.”

Farady menoleh ke arah Haura. “Terima kasih, Ara.”

“Terima kasih sebab apa?”

“Sebab sudi jadi kawan aku, dan dengar cerita aku.”

Haura tersenyum. “Sama-sama, Edy.”

Tiba-tiba terdetik satu soalan di benak Farady. “By the way, kau buat apa kat sini malam-malam?”

Haura menunjukkan telefon bimbitnya. “Aku datang sini nak cari line. Kat rumah sewa aku, line teruk. Kadang-kadang satu bar, kadang-kadang takde terus! Naik atas ni terus full.”

“Tunggu boyfriend call ke?”

Haura ketawa. Nampaknya Farady ada sisi suka bergurau juga walaupun sekali imbas nampak pendiam dan serius. “Takdelah. Saja nak WhatsApp kawan-kawan dengan main game. Duduk rumah bukan buat apa pun.”

Hati Farady lega mendengar jawapan itu. Dia melihat jam di layar telefon bimbitnya sebelum dia bingkas bangun dan bersuara. “Haura, dah lewat ni. Aku balik dulu lah.”

Haura masih kekal duduk. “Baliklah dulu. Aku nak sambung main game. Esok, kalau ada apa-apa, datang je cari aku kat sini. Time-time macam tadi pun okay.”

Farady mengangguk. Selepas memberi salam, dia terus turun melalui tangga kecemasan. Ruang tangga menuju ke bumbung Bangunan Alam ini memang tidak pernah berkunci. Itu fakta yang Farady tahu selepas beberapa kali dia menyelinap masuk dan naik ke atas bumbung. Ini juga bukan kali pertama dia naik ke atas bumbung itu. Tapi ini kali pertama dia benar-benar nekad mahu terjun dan menamatkan hidup.

Anehnya pertemuannya dengan Haura buat dia serta-merta lupa rasa putus asa yang membelenggu. Bukan kerana Haura seorang gadis yang cantik atau kerana dia sudah jatuh hati, tapi rasanya seperti dipedulikan. Seperti ada orang yang mendengar rintihannya selama ini. Perasaan resah, gelisah dan kecewa seakan hilang seperti terhapus lenyap pada waktu itu. Mungkin ini kerana doanya yang terjawab. Doa supaya dimunculkan ketenangan dalam hatinya yang libang-libu.

Sampai saja di tempat letak motosikal, dia terpandang motor yang terparkir di sebelah motornya. *Ini motor Haura ke?*

Baru Farady ingat yang dia lupa meminta nombor telefon gadis itu. Namun kerana malam sudah lewat dan tubuhnya rasa terlalu letih, dia batalkan niat untuk naik kembali. *Tadi Haura cakap boleh cari dia dekat situ malam esok. Esok je lah!*

Dalam perjalanan pulang ke rumah sewanya, fikirannya menerawang jauh. Dia memikirkan langkah seterusnya untuk meneruskan hidup. Suara yang selalu bergema mengatakan yang hidupnya sudah tidak bermakna tidak didengari lagi. Hasutan itu hilang dengan serta merta selepas meluahkan rasa sakit yang dilaluinya. Ketenangan hati yang dirasai membuat dunia rasa lebih lapang. Benarlah kata orang, sesungguhnya ketenangan itu ialah hadiah yang terlalu berharga.



Esok datang dan hari rasa lebih cerah. Farady bergerak ke kolej menaiki motosikalnya dengan perasaan tenang. Dia mula berfikir dari mana asas kepada ketenangan ini tiba. Semua benda di sekelilingnya berjalan pantas ke belakang, manakala diri dan motosikalnya sedang menempuh jalan ke hadapan. Pintu menuju ke masa silamnya sudah dia tutup rapat. Solusi untuk terus melangkah sudah dia temui, iaitu dengan bercerita.

Malam tadi selepas pulang, dia tidak terus tidur. Dia melakar sesuatu dalam buku lukisannya. Sejak dulu lagi Farady lebih suka melukis dari bersembang. Dia rasa seperti seorang penulis yang sedang meluahkan perasaan melalui tulisan, bezanya dia melakukannya dengan melukis. Setiap goresan pensel adalah permulaan sebuah cerita untuknya.

Sebaik tiba di kolej, dia memarkir motosikal dan berjalan menuju ke kelas. Semangat Farady pada hari itu seperti matahari. Dia tidak mahu lagi berpesta dengan kesedihan. Hidup harus diteruskan. Matanya melilau melihat kebanyakan rakan-rakan berjalan berkumpulan. Hanya dia yang bersendirian, tapi perkara itu sudah tidak menjadi isu besar lagi dalam hidupnya.

Semasa di dalam kelas pun dia tidak peduli orang di sekelilingnya. Fikirannya melayang terbang memikirkan idea untuk menyambung cerita yang dilukisnya malam tadi. Begitu juga semasa makan di kafeteria. Kalau sebelum ini dia selalu rawan memikirkan masalah hidupnya.

Fikirannya sekarang sudah tidak kosong dan tidak lagi dipenuhi dengan masalah. Dia hanya fokus memikirkan jalan cerita yang sedang dikarang. Manusia sekeliling seperti tidak wujud lagi di dunianya, dia sudah seperti ada

di dalam dunia sendiri. Dunia yang dia cipta di sebalik jari jemarinya.

Tamat sahaja kelas, dia terus pulang ke rumah untuk berehat kerana malam ini dia berhasrat untuk bertemu lagi dengan Haura di puncak Bangunan Alam. Tubuhnya benar-benar kepenatan. Bezanya kali ini dia penat kerana memikirkan jalan cerita komik yang mahu dilukisnya, bukan penat memikirkan cara untuk dia menamatkan hidup.

Seawal jam lapan malam, Farady sudah masuk ke ruang letak motosikal Bangunan Alam. Dilihatnya motosikal semalam masih berada di situ. *Mungkin betul la ni motor Haura.* Selepas mengunci motosikalnya, dia bergegas menaiki tangga kecemasan menuju ke tingkat sepuluh. Sebaik sampai di tingkat paling atas, dia terdengar suara seorang perempuan sedang menyanyi. *Hmmm... siapa menyanyi ni? Sedapnya suara!*

Teruja, Farady segera keluar ke ruangan bumbung itu. Rupa-rupanya suara Haura yang sedang asyik mendendangkan sebuah lagu. Namun melihat kelibat Farady, Haura berhenti menyanyi.

“Sedap suara kau, tak sangka yang kau boleh menyanyi,” puji Farady sambil menghampiri Haura dan duduk di sebelah gadis itu.

“Macam mana malam ni? Kau dah okay?”

Farady angguk. “Okay dah. Tapi lagi okay kot kalau dapat dengar kau menyanyi lagi.”

“Tak naklah, nanti hujan pulak. Nanti kita nak duduk mana?” ujar Haura sambil ketawa. “Suara aku bukan sedap pun. Nyanyi dalam toilet boleh la.”

“Kalau tak sudi nyanyi depan aku, takpelah,” balas Farady bernada hampa.

Haura memandang Farady yang sedang mendongak memandang langit. Walaupun Farady sudah lebih selesa

berbual dengannya, lelaki itu masih tidak berani memandangi mata lawan berbualnya. Satu tabiat yang mungkin sudah lama dimiliki lelaki itu. “Ala... janganlah merajuk,” pujuknya. “Satu lagu je tau. Tapi kalau hujan jangan salahkan aku tau?”

Haura mula memikirkan lagu yang ingin dinyanyikannya. Benaknya hanya memunculkan satu lagu yang sentiasa bermain di minda. Mata dipejam sebelum dia mula mengalunkan sebuah lagu.

Farady hanya diam sepanjang Haura menyanyi. Suara gadis itu yang halus menyentuh perasaannya, apa lagi dengan bait-bait lirik yang menggambarkan jiwa seorang yang kesepian. Selepas Haura menamatkan nyanyiannya, Farady bertepuk tangan.

“Takde hujan pun kan?” ujarnya. “Sedaplah suara kau. Lagu siapa tu tadi?”

Haura senyum. “Lagu lama ni. Lagu Nike Ardilla.”

“Wow, aku ingatkan lagu baru,” balas Farady.

“Lagu ni keluar awal 90-an. Kita pun belum lahir agaknya,” jenaka Haura. Kemudian wajahnya tiba-tiba berubah pilu. “Ni lagu favourite abang aku. Dia selalu nyanyikan lagu ni untuk aku.”

Farady yang membaca air wajah Haura lantas bersuara. “Hmm... aku dah lama tak jumpa abang aku.”

Segera Haura menoleh. “Eh, abang kau pun dah meninggal ke?”

Sunyi seketika. “Err... tak, dia tak meninggal lagi. Hidup lagi,” jawab Farady sedikit kekok.

“Oh... erm... sorry.”

Farady melirik ke arah Haura yang tertunduk. Dia tahu ekspresi itu. Ekspresi seseorang yang sedang meratapi

kehilangan. Bukan kehilangan biasa, tetapi perpisahan abadi.

“Aku rasa aku yang patut minta maaf. Aku tak tahu yang abang kau dah meninggal...” ucap Farady cuba menenangkan hati Haura.

Haura menggeleng. “Takpelah. Benda dah lepas. Aku dah move on.”

Farady mengangguk-angguk. “Jadi... sekarang kau tinggal dengan keluarga ke?”

“Eh, taklah,” Haura menggeleng. “Kan aku dah cakap aku duduk bilik sewa. Aku kerja kat kilang mesin sebelah Petronas depan tu. Tahu kan?”

“Oh... kilang tu. Ya tau.”

Farady memandang langit lagi. Dia mahu terus berbual dengan Haura tapi dia tak tahu topik apa yang nak disembangkan. Dia melirik sekilas pada Haura yang sedang membelek telefon bimbitnya.

“Hmmm... Haura. Kau keturunan Cina ke?” soalnya lagi selepas beberapa minit mereka sama-sama membisu. Soalan yang muncul kerana melihat kulit cerah dan mata sepet Haura.

“Eh... takdelah. Aku orang Korea,” jawab Haura sebelum ketawa besar. Farady juga terhibur mendengar ketawa gadis itu yang begitu lepas. “Abang aku pernah cakap, atuk kami sebelah ibu berbangsa Cina. Mungkin adalah sipi-sipi genetik Cina tu singgah dekat aku kot.”

“Kau berani ya duduk sini sorang-sorang. Malam-malam pulak tu?”

“Beranilah. Sebab semua manusia dilahirkan dengan sifat berani. Walaupun kadang-kadang sifat tu boleh hilang.”

“Boleh hilang?”

“Aah, bila nampak lipas terbang. Hahahaha!”

Farady turut tertawa kecil. Gadis ini memang pandai menghiburkan.

“Ok sekarang giliran kau pula,” kata Haura.

“Aku tak boleh nyanyi,” tingkah Farady.

“Bukan nyanyi. Sambung cerita kau semalam. Tak habis lagi,” pinta Haura.

Farady menarik nafas. Memang semalam ceritanya belum habis dan dia sudah berjanji akan meneruskannya hari ini.



Sifat Farady yang pemalu dan pendiam membuatkan dia tidak menyerlah. Dia rasa cemburu melihat rakan-rakan yang bijak dan juga berbakat, sama ada dalam bidang akademik, sukan, mahupun seni. Dia juga tidak mempunyai kawan rapat sama sekali yang boleh jadi teman berkongsi cerita.

Selalunya Farady menghabiskan masa lapangnya di perpustakaan. Bukan untuk membaca, tapi untuk melukis. Dari lakaran kasar secara suka-suka, dia mula mahir melukis. Dia juga mula menghasilkan komik berdasarkan imajinasinya. Seni itu seperti berbicara saat mulut tiada daya. Dia mencurahkan segala rasa, emosi dan perasaan di dalam seni. Namun dia tidak pernah menunjukkan komik lukisannya kepada sesiapa kerana bimbang akan diketawakan. Semua bakatnya disimpan sendiri.

Di rumah, selalunya Farady menghabiskan masa dengan komputer. Tapi tidak seperti rakan sebayanya yang sukakan game, Farady lebih memilih untuk belajar melukis menggunakan beberapa perisian khas. Bermula dari melakar, mewarna dan kemudiannya dia mula berjinak-jinak dengan pembuatan animasi dan penyuntingan video. Itu sajalah cara dia mengisi masa lapangnya di rumah.

Bapanya, Encik Anuar terlalu sibuk sehingga tidak langsung memerhatikan perkembangan anak bongsunya itu. Dia lebih banyak menghabiskan masa di pejabat dan di tapak pembinaan. Dia menyerahkan semua urusan menjaga dan membesarkan Farady kepada pembantu rumah.

Encik Anuar sebenarnya mempunyai impian agar anak-anak mengikut jejak langkahnya sebagai jurutera. Malangnya Farisy anak sulungnya langsung tak berminat, sebaliknya berkeras mahu menyertai pasukan polis. Farady masih ingat pertengkaran hebat antara ayah dan abangnya pada satu malam ketika dia berumur 11 tahun.

“Apa yang kau suka sangat nak jadi polis. Ramai sangat polis yang tidak bagus sekarang! Kau nak jadi macam diorang semua?” bentakinya pada anak sulung yang baru beberapa minggu menerima keputusan SPMnya. Keputusan Farisy tidaklah terlalu cemerlang tapi cukup untuk dia menyambung pengajian diploma dalam bidang kejuruteraan.

“Ayah, ini passion saya, minat saya. Saya tidak kisah pun pasal gaji atau pangkat. Saya cuma mahu menjadi seorang polis dan berbakti pada masyarakat. Apa guna kalau saya hidup tapi saya buat benda yang saya tak suka?” bentak Farisy dengan renungan tajam.

Wajah Encik Anuar berubah merah padam. “Kalau kau nak teruskan apa yang kau nak buat ni, kau keluar dari rumah ni! Kau bukan lagi anak aku! Kau jangan balik ke rumah ni lagi!”

Ternyata ugutan dan kemarahan tidak mampu melembutkan hati Farisy yang sudah nekad. Malam itu juga abangnya keluar dari rumah dengan hanya membawa beg berisi beberapa helai pakaian, dokumen diri dan tabung simpanannya. Walaupun hubungan mereka tidak pernah rapat, namun Farady merayu-rayu agar Farisy tidak meninggalkan rumah. Malangnya rayuan dan tangisan Farady langsung tidak dipedulikan abang mahupun ayahnya. Farisy keluar dari rumah dan tidak pernah kembali lagi selepas itu.



“Jadi memang kau dah lama tak jumpa abang kau?”

Farady menggeleng. “Aku pernah cuba, tapi kali terakhir aku dengar, selepas tamat latihan, dia terus ditugaskan ke Sabah. Lepas tu aku tak pernah dengar apa-apa berita dari dia lagi,” jawabnya perlahan. “Walaupun kami tak rapat, tapi dia satu-satunya abang yang aku ada.”

Haura mengangguk. “Aku faham.”

Suasana sunyi lagi.

“Lepas tu apa jadi?” tiba-tiba Haura bersuara.

Farady menarik nafas panjang sebelum meneruskan cerita.



Nasib Farady lebih baik selepas dia memasuki sekolah menengah. Dia berkenalan dengan seorang rakan sekelasnya, Aidil yang turut sama meminati bidang komputer dan multimedia. Mereka selalu menghabiskan masa bersama, sama ada di rumah Aidil atau di rumah Farady. Kerana minat dalam bidang multimedia, mereka sama-sama mencadangkan agar ditubuhkan sebuah kelab multimedia di sekolah. Idea itu disokong oleh guru Sains mereka, Cikgu Khairi yang merupakan graduan dalam bidang tersebut.

Dengan bimbingan Cikgu Khairi, Farady dan Aidil belajar pelbagai aspek penyuntingan video. Ketika mereka berada di tingkatan empat, mereka berdua berjaya memenangi sebuah pertandingan peringkat kebangsaan. Seluruh sekolah berbangga dengan pencapaian mereka malah nama mereka menjadi sebutan. Guru bimbingan dan kaunseling mereka turut mencadangkan agar mereka berdua menyambung pengajian dalam bidang animasi selepas tamat SPM kerana bakat dan minat yang mereka miliki.

Malangnya hasrat Farady telah dibantah keras oleh Encik Anuar.

“Lepas abang kau kecewakan ayah dulu, sekarang kau pulak? Dasar anak tak mengenang budi!” tengking Encik Anuar.

“Tapi ayah...”

“Kau nak jadi macam abang kau? Aku besarkan kau orang semua baik-baik! Aku bagi segala-galanya. Bila dah besar, korang semua nak lawan aku!”

Farady tertunduk. Pedih hatinya mendengar suara ayahnya yang menggegarkan seluruh rumah itu.

“Kau tu tak sama macam abang kau! Abang kau tu mungkin boleh hidup sekarang tapi kau tu tak boleh hidup kat luar sana! Kau tu pendiam! Anti sosial! Lembik! Macam mana kau nak hidup kat luar sana? Macam mana kau nak berjaya? Aku dah sediakan segala-galanya. Kau cuma perlu ikut cakap aku! Sambung belajar dalam bidang kejuruteraan! Lepas habis belajar, kerja dah menunggu kau di dalam syarikat tu!”

Farady tidak mampu membalas apa-apa lagi. Selepas menuturkan kata-kata maaf, dia terus masuk ke dalam biliknya. Dia mahu menangis tapi ditahannya.

Ternyata keputusan ayah Farady itu tidak dapat diterima Aidil. Dia menyifatkan Farady tidak bersungguh-sungguh mahu memujuk ayahnya.

“Farady, kau ada bakat dalam bidang ni! Takkan kau nak sia-siakan semua yang kita dah belajar?”

Ingin sahaja dia membalas kata-kata Aidil itu. *Bakat aku tidak sehebat cara kau petah berkata-kata.* Namun semuanya tidak terluah di bibir. Akhirnya Farady hanya mampu membisu. Namun Aidil semakin tidak puas hati.

“Itu ajelah yang kau boleh buat kan? Diam? Kau memang pengecut!”

Kata-kata itu pendek namun cukup menikam hati Farady. Tak sangka Aidil tergamak menuturkan kata-kata itu. Sahabatnya itu sudah beredar, meninggalkan dia tercegat sendirian dekat koridor depan bilik multimedia.